

Headline	Penggunaan elektrik meningkat		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	22 Apr 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	11
Section	Setempat	Journalist	N/A
ArticleSize	68 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 4,689		



## Penggunaan elektrik meningkat

Cuaca panas terik dan kering berpanjangan mengakibatkan penggunaan elektrik meningkat 37.82 peratus.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkata, peningkatan itu berlaku kerana permintaan tinggi sehingga mencatatkan bacaan pada 17,788 MW setakat 20 April 2016 berbanding 12,906 MW pada awal tahun ini kesan fenomena El-Nino.

“Keadaan panas pada siang hari yang meninggalkan kesan bahang sehingga ke awal pagi sudah mempengaruhi tabiat penggunaan peralatan elektrik khususnya pendingin hawa, yang secara relatifnya digunakan lebih

banyak berbanding peralatan elektrik lain.

“Secara amnya, pengguna pendingin hawa lebih cenderung menurunkan suhu pada tahap lebih rendah, meningkatkan kelajuan kipas pendingin hawa dan menggunakan pendingin hawa untuk tempoh yang lebih lama,” katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, penggunaan peralatan lama yang tidak diselenggara dengan baik juga boleh mengakibatkan penggunaan elektrik meningkat.

“Semua faktor ini akan meningkatkan penggunaan elektrik, sekali gus memberi kesan ke atas bil elektrik pengguna,” katanya.